

**UCAPAN
YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA KELUARGA
DAN MASYARAKAT**

SEMPENA

**MINI KARNIVAL OKU
PERINGKAT NEGERI PULAU PINANG**

**DI
PDK PERMATA INTAN, PERMATANG RAWA,
SEBERANG PERAI TENGAH, PULAU PINANG**

**PADA
4 MEI 2015 JAM 10.00 PAGI**

PENDAHULUAN

SALUTASI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Sejahtera, Salam Satu Malaysia, Salam Satu Perpaduan

Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama hadir ke majlis yang sangat bermakna sempena **Program Mini Karnival OKU Peringkat Negeri Pulau Pinang** bagi Tahun 2015 pada pagi yang mulia dan penuh berkat ini. Saya dapat melihat kemeriahan program ini yang bermula seawal pagi serta merasa sangat teruja melihat kehadiran OKU bersama keluarga dari seluruh Negeri Pulau Pinang untuk bersama-sama memeriahkan majlis kita pada hari ini. Ini menunjukkan sokongan padu golongan OKU kepada segala usaha kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

TUJUAN PROGRAM

Program Mini Karnival OKU yang diadakan pada hari ini merupakan suatu medium interaksi kerajaan dengan masyarakat terutamanya golongan OKU dan ahli keluarga mereka. Ini merupakan antara usaha-usaha yang diambil oleh kerajaan bagi meningkatkan kesejahteraan golongan OKU, yang juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang sangat penting, istimewa dan tidak boleh dipinggirkan dalam agenda pembangunan negara. Antara objektif pihak JKM mengadakan Program Mini Karnival ini adalah untuk:

- i) Menjadi *platform* bagi mengenali antara satu sama lain serta memberi perkhidmatan *outreach* kesihatan kepada OKU dan komuniti setempat;
- ii) Memberi peluang ibu bapa dan keluarga PDK untuk menyertai pelbagai program anjuran JKM; dan
- iii) Memberi peluang penyertaan OKU dalam aktiviti rekreasi

HAK OKU

Perkembangan globalisasi masa kini menyaksikan perubahan berlaku sangat pantas dan ini juga memberi kesan secara tidak langsung terhadap kehidupan OKU. Perkhidmatan berkaitan OKU juga telah mengalami anjakan paradigma daripada pendekatan berasaskan kebajikan (*charity-based approach*) kepada pendekatan berasaskan hak (*right-based approach*). Anjakan ini adalah selaras dengan saranan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) yang memberi fokus terhadap konsep “*non-discrimination*” atau tiada diskriminasi di mana OKU mempunyai hak dan peluang yang sama seperti anggota masyarakat lain.

Dalam melaksanakan pendekatan berasaskan hak ini, KESEDARAN semua pihak termasuk OKU, ahli keluarga mereka, komuniti, NGO, korporat, agensi kerajaan dan semua petugasnya tentang tanggungjawab terhadap OKU dan keperluan mereka adalah kunci kepada kejayaan pelaksanaannya. Walau bagaimanapun, langkah pertama adalah kesedaran OKU sendiri dan ahli keluarga mereka tentang hak masing-masing dan berjuang untuk mendapatkan hak sama rata berkenaan. OKU secara individu ataupun secara kelompok digalakkan bergerak secara pro-aktif dan bukan sekadar menunggu secara pasif pihak-pihak tertentu untuk menyediakan kemudahan.

Seiring dengan wawasan untuk mencapai Negara Maju menjelang tahun 2020, kerajaan sentiasa komited dalam usaha meningkatkan kesejahteraan OKU berteraskan falsafah bahawa golongan ini juga mempunyai hak yang sama dengan orang lain. Kerajaan juga percaya bahawa dalam usaha mencapai aspirasi tersebut, setiap rakyat di negara ini termasuk golongan OKU harus diberi peluang yang sewajarnya bagi merealisasikan dan membangunkan potensi mereka ke tahap yang paling optimum ke arah membina masyarakat yang progresif, inklusif dan penyayang.

Kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah mengubal Dasar Orang Kurang Upaya, Pelan Tindakan Nasional OKU serta menguatkuasakan Akta Orang Kurang Upaya 2008. Kesemua inisiatif ini bertujuan untuk memastikan golongan OKU turut mempunyai hak penyamaan peluang dan penyertaan penuh dalam semua aspek kehidupan, termasuk aspek-aspek aksesibiliti seperti akses kepada kemudahan, perkhidmatan dan bangunan awam, kemudahan pengangkutan awam, pendidikan, pekerjaan, maklumat, komunikasi dan teknologi, kehidupan berbudaya, rekreasi, santai dan sukan.

KEMUDAHAN UNTUK OKU

Hadirin yang dihormati,

Kerajaan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan terhadap OKU dari semasa ke semasa. Justeru, pendaftaran OKU merupakan mekanisme yang sangat penting bagi mengenal pasti bilangan sebenar OKU di negara ini. Data ini mustahak bagi membolehkan kerajaan merancang program pemulihan, latihan, pendidikan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang sesuai mengikut keperluan OKU. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) menganggarkan 10-15% penduduk dunia adalah terdiri daripada OKU. Berdasarkan statistik Sistem Maklumat OKU (SMOKU), seramai **336,960 OKU berdaftar dengan JKM** sehingga 28 April 2015. Jumlah ini adalah bersamaan dengan 1.1% daripada jumlah penduduk di Malaysia.

Pendaftaran OKU di Negeri Pulau Pinang adalah 20,051 OKU yang terdiri daripada OKU pendengaran 1,836 orang, OKU Penglihatan 2,096 orang, OKU Pertuturan 68 orang, OKU Fizikal 7,999 orang, OKU Pembelajaran 6,101 orang, OKU Mental 1,226 dan OKU Pelbagai 725 orang. Mereka yang berdaftar dengan JKM boleh menikmati 25 kemudahan dan keistimewaan yang disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi seperti Pengecualian Cukai Jalan, Pengecualian Bayaran Pembaharuan Lesen Memandu, Diskaun Tambang Pengangkutan Awam, Pengecualian Bayaran Rawatan Perubatan, Pengecualian Bayaran Dokumen Perjalanan (passport) dan sebagainya.

PERUNTUKAN

Hadirin yang dihormati,

Kesungguhan kerajaan dalam memastikan kesejahteraan OKU sentiasa mendapat pembelaan terbukti melalui penyediaan peruntukan kewangan sebanyak **RM461.1** juta pada tahun 2015 seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri semasa **Pembentangan Bajet 2015 pada 24 Oktober 2014**. Kementerian dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) melalui peruntukan berkenaan dapat menyediakan pelbagai kemudahan bantuan kebajikan dan perkhidmatan sokongan bagi membantu OKU memaksimumkan potensi yang ada dan seterusnya menikmati kehidupan yang lebih sempurna. Melalui Bajet 2015 juga, kerajaan telah menaikkan kadar Elaun Pekerja Cacat (EPC) daripada RM300 sebulan kepada RM350 sebulan kepada OKU yang bekerja dengan pendapatan di bawah RM1,200 sebulan. Selain itu, kerajaan juga telah menaikkan kadar Bantuan OKU Tidak Berupaya Bekerja (BTB) daripada RM150 sebulan kepada RM200 sebulan. Kenaikan bantuan ini akan dapat memberi manfaat kepada lebih kurang 110,000 OKU dengan tambahan peruntukan sebanyak RM66 juta.

Untuk makluman, di Pulau Pinang sahaja Kementerian melalui JKM telah memperuntukkan sebanyak RM72.8 juta bagi bantuan kewangan kepada kumpulan sasar Jabatan. Bagi jumlah tersebut sebanyak RM37.5 juta telah diperuntukkan bagi bantuan kepada OKU. Sebanyak RM100 juta pula telah diperuntukkan bagi Bantuan Alat Tiruan kepada semua OKU di Pulau Pinang.

Selain itu, saya juga dimaklumkan bahawa sejumlah RM5.8 juta diperuntukkan kepada 22 buah PDK dalam bentuk geran di Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2015. Saya mengharapkan pihak PDK memanfaatkan sepenuhnya peruntukan tersebut demi kesejahteraan golongan OKU. Usaha ini secara jelas menunjukkan bahawa kerajaan sememangnya komited bagi menjaga kebajikan dan kesejahteraan rakyat termasuk OKU. Saya maklum bahawa bukan mudah untuk memberi perkhidmatan penjagaan, latihan, dan pemulihan kepada pelatih PDK ini terutamanya kanak-kanak. Sokongan dan bantuan semua pihak pasti akan membantu kita meningkatkan perkhidmatan dan peranan PDK pada masa hadapan. Saya amat berharap bahawa segala usaha yang dilakukan oleh kerajaan akan dapat memberikan suntikan semangat kepada OKU untuk terus hidup berdikari.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan syabas dan terima kasih kepada pihak urusetia termasuk JKM Negeri Pulau Pinang dan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Permata Intan khususnya di atas komitmen dan sokongan padu yang diberikan dalam menjayakan Program Mini Karnival OKU ini. Tidak lupa juga kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menyumbangkan idea dan tenaga bagi menjayakan majlis ini.

Dengan lafaz Bismillahirrohmanirrohim, saya merasmikan **Program Mini Karnival OKU dan Pengoperasian PDK Permata Intan di Kampung Permatang Rawa Tahun 2015.**

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah Wasallam Mualaikum W.B.T.

MAKLUMAT TAMBAHAN

PENDAFTARAN KAD OKU BAGI PARLIMEN PERMATANG PAUH

Bil.	Kategori	Jumlah Kad OKU
1	Pendengaran	108
2	Penglihatan	164
3	Pertuturan	3
4	Fizikal	617
5	Pembelajaran	450
6	Mental	98
7	Pelbagai	52
*	JUMLAH	1492

JUMLAH GERAN PERUNTUKKAN UNTUK 22 PDK DI PULAU PINANG

Bil.	Daerah	Jumlah (RM)
1	Seberang Perai Utara	RM 1,056,244.00
2	Seberang Perai Tengah	RM 660,736.00
3	Seberang Perai Selatan	RM 582,396.00
4	Barat Daya	RM 636,364.00
5	Timur Laut	RM 96,980.00
*	JUMLAH	RM 5,757,440.00